

# Tujuh atlet dikenal pasti

**Putrajaya:** Seramai tujuh pelatih sudah dikenal pasti bagi diserapkan dalam program khas 'Projek B10' iaitu projek larian bawah 10 saat yang dianjurkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Pengerusi Jawatankuasa Panel Pemilihan 'Projek B10' KPT, Dr Pekan Ramli dalam satu kenyataan berkata, panel jawatankuasa akan memperhalusi senarai pelatih berkenaan sebelum pengumuman rasmi dibuat Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dalam masa terdekat.

Beliau, berkata seramai 20 pelatih daripada Sekolah-sekolah Sukan Malaysia (SSTMI) dan Sekolah Sukan Negeri (Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka) hadir pada sesi pemilihan ketiga bagi menjalani ujian-ujian yang ditetapkan di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Katanya, hasil daripada penilaian yang dibuat, tiga lagi calon pelatih dikenal pasti menjadikan keseluruhan tujuh pelatih selepas ujian pemilihan di Johor (satu calon layak) dan Perlis (tiga calon layak) yang diadakan sebelum ini.

"Sesi ujian di UPM kita melihat kesungguhan tinggi bakal pelatih dalam beberapa ujian yang dilakukan."

"Jika mereka boleh melepasi had kelayakan yang mencabar ini, ia satu petanda baik untuk mereka digilap. Kita juga mengutamakan kualiti bukan kuantiti," kata Pekan.

Program khas berkenaan yang turut diangkat sebagai 'Program Bitara' iaitu projek berimpak tinggi oleh KPT dilancarkan oleh Noraini pada November tahun lalu.

Program ini bagi melahirkan pelari pecut pertama negara yang mampu berlari dengan catatan masa di bawah 10 saat.